

Notis Kenyataan Sebutharga



NOTIS KENYATAAN SEBUTHARGA
NOMBOR SEBUTHARGA: SSI.PK.7/2024

TAJUK SEBUTHARGA:
CADANGAN MENAIKTARAF JALAN MASUK UTAMA KE BANGUNAN 10 TINGKAT YANG MENGANDUNGI 100 UNIT PERUMAHAN PENJAWAT AWAM DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI DAERAH MUALLIM DI ATAS PLOT 2 SELUAS KIRA-KIRA 2.87 EKAR DI MUKIM SLIM, DAERAH MUALLIM, PERAK DARUL RIDZUAN.

1.0 Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / PUKONSA / UPKJ / Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / bekalan berikut:-

BIL.	PENDAFTARAN DAN TARAF	BIDANG PENGKHUSUSAN	TARIKH DAN HARGA DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TUTUP SEBUTHARGA
1.	CIDB dan Bertaraf Bumiputera	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred: G2 Kategori: CE & ME Pengkhususan: CE21 & E06	(23 April 2024 hingga 30 April 2024) RM 200.00 Senaskah (Tunai Sahaja)	7 Mei 2024 (Selasa) 12.00 Tengah hari

2.0 Taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan dan akan diadakan pada ketetapan seperti dinyatakan dibawah. Hanya penama Syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA atau UPKJ Sahaja dibenarkan mendaftar. Kontraktor / Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

BIL.	TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA
1.	Dewan Kuarters Perumahan Penjawat Awam Muallim (PPA Muallim) (Koordinat : 3°50'0.25"N, 101°24'16.385"E)	22 April 2024 (11.00 Pagi)

- 3.0 Dokumen Sebutharga boleh disemak dan diperoleh pada tarikh dan masa jualan yang dinyatakan di Pejabat Perbadanan ini. Hanya wakil – wakil kontraktor yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebutharga dengan membawa perakuan / sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan).
- 4.0 Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan / sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).
- 5.0 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai tawaran ini boleh menghubungi Pejabat Perbadanan ini di talian 05 – 253 1949 pada waktu pejabat 9 Pagi – 4.30 Petang (Isnin hingga Jumaat kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum).
- 6.0 Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan ditulis Tajuk dan Nombor Sebutharga diatas sebelah kiri sampul serta dimasukkan ke dalam Peti Notis Sebutharga yang terletak di **PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK (SSI), MENARA SSI, TINGKAT 10, SOHO IPOH 2, JALAN SULTAN IDRIS SHAH, 30000 IPOH, PERAK.**
- 7.0 Perbadanan ini tidak terikat untuk menerima mana–mana tawaran sebutharga atau memberikan apa – apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

b.p. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN